

UJI TENTANG KEBENARAN TEORI GULLICK
MENGENAI PEREBUTAN KUASA
MASYARAKAT MELAYU
TRADISI.

JUHALI BIN EMBONG.

UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH
BAGI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN DALAM
BIDANG SEJARAH

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1988/1989.

Untuk,

Ibuku

Isteriku Tersayang

Tg. Maisiri bt. Tg. Hussain

Serta dua orang puteriku

Nik Anis Syazwani

Dan Nik Nur Shuhada

Agar mengambil iktibar

Dari Tulisan Ini.

ISI KANDUNGAN.

| | <u>Halaman.</u> | |
|-------------|--|---------|
| Penghargaan | i | |
| Pendahuluan | ii. | |
| Bab 1 | Uji tentang kebenaran Teori Gullick mengenai perebutan kuasa masyarakat Melayu tradisi. | 1 - 17 |
| Bab 2 | Faktor-faktor yang menyebabkan perebutan kuasa. | 18 - 37 |
| Bab 3 | Kelemahan Teori Gullick mengenai sistem politik Melayu. | 38 - 46 |
| Bibliografi | | 47 - 48 |
| Lampiran I | | 49 |
| Lampiran II | | 50. |

PENGHARGAAN.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Maha Kuasa kerana saya telah dapat menyiapkan esei ini. Semasa menulis esei ini saya telah menggunakan bahan dari perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan perpustakaan USM di atas kerjasama yang mereka berikan. Terima kasih juga diucapkan kepada saudara Abdul Wahid Akmal b. Omar dan saudari Azieyana kerana telah membantu menyiapkan esei ini.

Akhir sekali, saya menyatakan penghargaan terima kasih terhadap nasihat, pertolongan dan bimbingan yang saya terima daripada Profesor Cheah Boon Kheng.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Kinden, Pulau Pinang.

Juhali Embong.

PENDAHULUAN.

Perang saudara adalah satu kejadian yang berulang di dalam sejarah orang Melayu tradisi. Apabila seseorang sultan mangkat biasanya akan menimbulkan krisis politik di dalam negeri kerana soal penggantian menjadi punca perselisihan dikalangan golongan pemerintah. Apabila berlaku peperangan sudah tentu akan melibatkan perpecahan dikalangan pihak yang terlibat. Keadaan akan lebih meruncing lagi apabila pembesar-pembesar turut sama campur tangan demi kepentingan peribadi mereka. Biasanya pihak yang menang akan cuba memulih kembali kerajaan yang telah berpecah. Tulisan ini juga untuk mencari punca atau sebab kenapa kejadian yang tersebut di atas sentiasa berlaku didalam sejarah orang Melayu tradisi.